

# UMS hampir gelaran juara Liga Bola Sepak IPT 2010

SOUA

Oleh VITALIS G. BINGKASAN  
vbingkas@yahoo.com

**KOTA KINABALU:** Pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dijarakkan satu mata dari bergelar juara Liga Bola Sepak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2010 peringkat Zon Borneo 2 selepas membenamkan Unitar 4-0 di Stadium UMS dua hari lalu.

Keempat-empat gol UMS itu dijaringkan pada separuh masa kedua menerusi Benjamin Kotiu dan Rainol Masaat yang masing-masing menyumbangkan dua gol.

Keputusan itu melebarkan rekod kemenangan seratus peratusnya kepada lima perlawanan untuk mengumpul 15 mata yang bermakna satu mata dari perlawanan terakhir sudah memadai bagi UMS muncul sebagai juara pertama kejohanan berkenaan.

UMS malahan mungkin sudah boleh bergelar juara berdasarkan kelebihan jaringan berbanding dengan pencabar tunggalnya, Politeknik Kota Kinabalu (PKK) yang hanya mampu mengumpul maksima 15 mata.

UMS akan menamatkan jadual menentang Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) di padang Politeknik Kota Kinabalu (PKK) 10 April ini.

PKK pula masih mempunyai baki dua perlawanan dan untuk menggugat UMS, ia perlu menang menang besar kedua-dua perlawanan itu sambil mengharapkan UMS tewas perlawanan terakhirnya.

PKK akan bertemu Masterskill Kota Kinabalu (MKK) di padang CUMS pada 9 April sebelum menamatkan jadual menentang Kolej Yayasan Sabah (KYS) di padang UiTM pada 16 April.

Pertandingan peringkat Zon Borneo 2 berkenaan melibatkan tujuh pasukan yang akan bersaing secara liga satu pusingan bagi menentukan penyandang gelaran juara seterusnya mewakili zon Borneo 2 ke pertarungan antara juara-juara zon.

Selain tempat ke pertarungan antara juara-juara, penyandang gelaran juara peringkat zon juga akan menerima hadiah wang tunai RM10,000.

Liga tersebut melibatkan IPT di seluruh negara ini yang dibahagikan kepada lapan zon.

Ia adalah kejohanan bagi merebut Piala Menteri Pengajian Tinggi Malaysia yang dianjurkan Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM).